



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MEDAC KOMITED DALAM MEMBANTU USAHAWAN MENDEPANI CABARAN 2021**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan terus memberi tumpuan untuk membantu peniaga mikro dan informal serta golongan usahawan yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar berkata, "Walaupun terdapat pelbagai bantuan/pakej rangsangan telah disalurkan oleh pihak kerajaan namun para peniaga khususnya mereka yang terlibat dalam sektor mikro serta informal masih belum dapat memulihkan perniagaan mereka sepenuhnya. Kenyataan ini adalah berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh MEDAC".

Disebalik kepelbagaian insentif yang ditawarkan, hakikatnya adalah golongan ini masih menderita kerana mereka tidak mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi. Malah ramai di antara mereka yang tidak mempunyai plan kelangsungan perniagaan dan tidak mengetahui bagaimana untuk memohon bantuan yang disediakan oleh Kerajaan.

Selain itu, MEDAC juga mendapati bahawa terdapat ketidakpadanan di antara bantuan yang disediakan oleh Kerajaan dengan keperluan sebenar usahawan. Misalnya kos bagi mengadaptasi digitalisasi oleh usahawan mikro tidak memerlukan jumlah pembiayaan yang terlalu besar berbanding dengan apa yang ditawarkan kepada mereka. Bantuan-

bantuan yang disediakan oleh Kerajaan melalui Bank Komersil pula didapati sukar untuk dimanfaatkan oleh kebanyakan usahawan terutamanya usahawan mikro

“Kita perlu melakukan perubahan yang sewajarnya berdasarkan keadaan dan keperluan semasa. Bersedia untuk berubah ke arah memperbaiki, mempermudah dan memperkemarkan proses-proses yang sedia ada di kementerian serta agensi supaya ianya menjadi lebih efektif, berkesan dan mesra pelanggan. Kita perlu lebih dekat dengan rakyat supaya dapat memahami situasi mereka dan segera membantu”, ujar YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar ketika menyampaikan amanat tahun baharu dan melancarkan hala tuju MEDAC bagi tahun 2021 di Putrajaya hari ini.

Menyedari akan implikasi besar COVID-19 ke atas usahawan, MEDAC telah membangunkan **Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi** khusus untuk memastikan kelestarian dan pemulihan operasi perniagaan usahawan, termasuklah perusahaan mikro, PKS, koperasi, Usahawan Sosial, *startup* dan usahawan informal. Bagi pelaksanaan **Fasa Pertama** bermula **Mei sehingga Disember 2020**, sebanyak **20 program** telah dilaksanakan dengan peruntukan **RM171juta kepada 12,138 penerima** manfaat di mana **96.52%** dalam kalangan Bumiputera. **Fasa kedua** pula akan bermula pada **Januari sehingga Mei 2021** dengan peruntukan sebanyak **RM17.1 juta**.

**Sehingga Disember 2020**, MEDAC juga telah **menawarkan bantuan** pembiayaan kepada usahawan yang terjejas **berjumlah RM1.48 bilion** melalui agensi seperti SME Bank, Bank Rakyat, TEKUN Nasional dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada **53,449 penerima manfaat**.

Seiring dengan Dasar Keusahawan Nasional (DKN 2030), MEDAC telah merangka halatuju baharu dalam pembangunan keusahawanan yang holistik bagi memastikan

keusahawanan kekal sebagai penyumbang utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Lima pendekatan utama untuk **halatuju bagi tahun 2021** adalah berlandaskan konsep **LIMA E (5E)** iaitu **ENCULTURE, ENABLE, EMPOWER, ENERGIZE dan ENGAGE**:

a) **ENCULTURE** – usaha untuk membudayakan pemikiran dan nilai keusahawanan dalam kalangan usahawan baharu dengan memberi fokus kepada penciptaan usahawan yang kreatif, inovatif, berdaya tahan dan berpaksikan pengetahuan khususnya dalam kalangan belia dengan mengaplikasikan *technology advancement* supaya lebih kompetitif dalam meneroka pasaran di peringkat domestik dan antarabangsa.

b) **ENABLE** – Mengupayakan usahawan informal sebagai usahawan formal yang berdaftar.

c) **EMPOWER** – Menumpukan kepada pemerksaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam memulihkan perniagaan mereka yang terkesan daripada impak COVID-19 serta memperkukuhkan daya tahan PMKS untuk terus maju serta lebih resilient dan kompetitif.

d) **ENERGIZE** – memfokus kepada usaha mentransformasi atau menyuntik tenaga baharu kepada Gerakan Koperasi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

e) **ENGAGE** – Mempertingkatkan sesi libat urus samada secara atas talian ataupun bersemuka bagi memastikan program-program keusahawanan MEDAC boleh dicapai dan difahami oleh setiap lapisan masyarakat.

MEDAC terus komited dengan segala usaha dan perancangan yang dibuat bagi membantu memulihkan dan meningkatkan keyakinan semua usahawan di pelbagai peringkat untuk sama-sama bangkit memperkasa diri bagi mendepani cabaran yang mendatang.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**4 JANUARI 2021**